


# IQRA'

Bil. 1/2023  
JANUARI



Kunjungan Hormat PTAR ke atas Penolong  
Naib Canselor (Keusahawanan)  
PTAR Shah Alam - muka 4



Program Mobile Library (Sesi 1), Kolej Pengajian  
Kejuruteraan  
PKEJ - muka 7



Hari Terbuka PTAR UiTM Cawangan Melaka  
PTAR Kampus Alor Gajah - muka 11




Program SharingRizq@Library UiTM Cawangan  
Terengganu  
PTA Kampus Dungun - muka 18



Bengkel "Refresh Your Skills@PTA"  
PTAR Kampus Machang - muka 26

## PROMOSI@PTAR





*Pada 18 Januari 2023 (Rabu) Perpustakaan Tun Abdul Razak Kejuruteraan telah menganjurkan program Mobile Library (Sesi Pertama) di Aras 8, Space4U@ Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Menara 1 Kolej Pengajian Kejuruteraan UiTM Shah Alam. Program singkat ini dijalankan selama 2 jam bermula dari jam 10 pagi sehingga 12 tengahari. Bersama Program Mobile Library ini turut diadakan Kempen Derma Darah Bersama Pusat Darah Negara (PDN) anjuran HEA Kolej Pengajian Kejuruteraan.*

*Perpustakaan Tun Abdul Razak Kejuruteraan berusaha melaksanakan pelbagai fungsi dan peranannya bagi menyemarakkan budaya membaca dikalangan warga UiTM seperti program Jom Pinjam, hebahan kelas Kemahiran Maklumat serta pelbagai perkhidmatannya. Pada Sesi pertama ini, Perpustakaan Kejuruteraan menyasarkan keterlibatan pelajar-pelajar kejuruteraan dalam aktiviti meminjam buku. Dianggarkan seramai 40 orang pelajar telah hadir ke Booth pameran bagi memberi sokongan keatas program tersebut. Program singkat selama 2 jam ini telah menarik minat 10 orang pelajar membuat pinjaman dan bahan yang dipinjam berjumlah 24 naskah.*

*Perpustakaan Kejuruteraan akan meneruskan program Mobile Library ini di masa akan datang bagi mengimarahkan lagi minat warga UiTM terhadap budaya membaca.*